



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2015/2016

- NAMA KURSUS : TAMADUN ISLAM DAN
TAMADUN ASIA
- KOD KURSUS : UWA10302
- PROGRAM : 1 BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/
BDD/ BEJ/ BEV/ BFF/ BIM/ BIT/ BIW/
BNA/ BNB/ BNC/ BND/ BNF/ BNG/
BNH/ BNK/ BNL/ BNN/ BNM/ BPA/
BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/ BWC
2 BBB/ BBC/ BBE/ BBF/ BBG/ BDD/
BEJ/ BEV/ BFF/ BIM/ BIP/ BIT/
BIS/ BIW/ BNB/ BND/ BNH/ BNL/
BPA/ BPD/ BPC
3 BEJ/ BEV/ BFF/ BPB
4 BBD/ BEV/ BPA
- TARIKH PEPERIKSAAN: DISEMBER 2015 / JANUARI 2016
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN BELAS (19)** MUKA SURAT

- S1 Apakah maksud kalimah *maddana*?
- A Perbuatan membuka bandar atau kota
 - B Sifat sesuatu yang berkaitan dengan pembangunan perbandaran
 - C Perbuatan membuka bandar atau kota serta perbuatan memperhalus budi pekerti
 - D Sifat sesuatu yang berkaitan dengan pembangunan perbandaran serta kehalusan budi pekerti yang terpuji
- S2 Nyatakan faktor yang merujuk kepada pepatah Inggeris *necessity is the mother of invention* (keperluan kehidupan merupakan ibu segala reka cipta).
- A Tekanan kehidupan
 - B Kedudukan yang strategik
 - C Rangsangan keagamaan dan kerohanian
 - D Pembangunan ilmu dan penghayatan nilai
- S3 Apakah aspek utama yang ditekankan dalam pengertian perkataan tamadun?
- A Kemajuan sains dan kecanggihan teknologi
 - B Kehalusan kesenian dan ketinggian kebudayaan
 - C Kehalusan budi pekerti dan kesopanan tata susila
 - D Kemajuan dalam perlakuan, pemikiran dan pembangunan perbandaran
- S4 Siapakah penulis terawal yang mengetengahkan idea pengajian ketamadunan?
- A Farid Wajdi
 - B Jurji Zaydan
 - C Ibnu Khaldun
 - D Muhammad Abduh
- S5 Dimanakah kota-kota yang telah dibincangkan oleh Ibnu Khaldun berkaitan kajian kitaran sejarah tamadun?
- I Rom
 - II Kaherah
 - III Cordova
 - IV Casablanca
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 6 berdasarkan kepada Pernyataan 1 di bawah.

Pernyataan 1

Tamadun sebagai unit budaya yang besar yang mengandungi norma-norma sosial, tradisi dan institusi yang dikongsi bersama dan diwarisi dari generasi ke generasi

- S6** Siapakah antara tokoh-tokoh berikut yang telah memberikan maksud tamadun dalam pernyataan 1 di atas?
- A Collingwood
 - B Gardon Childe
 - C Samuel Johnson
 - D Edward L. Farmer
- S7** Apakah istilah yang cenderung digunakan oleh Malik Bennabi dalam teori beliau tentang tamadun?
- A Umran
 - B Tamadun
 - C Hadharah
 - D Madaniyah
- S8** Manakah unsur-unsur yang bergabung dalam satu kerangka yang kukuh bagi membolehkan sesuatu tamadun mencapai tahap yang tinggi menurut Malik Bennabi?
- I Idea
 - II Benda
 - III Sistem
 - IV Manusia
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S9** Apakah ciri utama ketamadunan?
- A Wujudnya sistem kepercayaan dan agama
 - B Kewujudan sistem perundangan yang teratur
 - C Kewujudan sistem organisasi dan institusi sosial
 - D Peningkatan daya reka cipta dalam penciptaan teknologi

- S10** Apakah penanda aras yang digunakan oleh barat untuk menggambarkan maksud tamadun?
- I Penempatan di kawasan perbandaran
 - II Pencapaian dalam aktiviti perekonomian
 - III Pencapaian dalam bidang ilmu dan teknologi
 - IV Penyusunan struktur politik dan kemasyarakatan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I,II,III dan IV
- S11** Pilih kesan-kesan interaksi dalam sejarah di antara tamadun.
- I Penyebaran agama
 - II Perkembangan teknologi
 - III Peperangan dan penaklukan
 - IV Perkembangan tulisan dan bahasa
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S12** Apakah pernyataan yang benar mengenai hubungan antara tamadun dan agama.
- A Kehidupan di kota tidak selari dengan kehidupan beragama
 - B Kehidupan beradab merupakan tuntutan kehidupan beragama
 - C Tamadun dan agama tidak mempunyai kaitan kerana kedua-duanya merupakan perkara yang berasingan
 - D Tamadun merujuk kepada pencapaian manusia dalam kehidupan bermasyarakat manakala agama adalah mengenai kepercayaan sahaja
- S13** Antara berikut, manakah perkara-perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan sesebuah tamadun?
- I Penghijrahan manusia
 - II Pemerintahan yang zalim
 - III Nilai-nilai moral yang kukuh
 - IV Peperangan yang berpanjangan
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

- S14** Apakah asas utama dalam konsep dan pandangan semesta Tamadun Islam?
- A Menilai mana yang baik dan boleh diikuti dalam kehidupan seharian
 - B Meningkatkan kesejahteraan manusia sejagat yang hidup di dunia ini
 - C Mencari makna kebenaran dalam kehidupan dalam sumber rujukan Islam
 - D Memelihara, memperbaiki dan menghormati hak-hak yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada hambaNya di dunia
- S15** Apakah tiga bentuk hubungan penting yang perlu dipelihara dalam Tamadun Islam?
- A Manusia, malaikat dan alam sekitar
 - B Manusia, Allah S.W.T. dan alam sekitar
 - C Allah S.W.T., alam sekitar dan malaikat
 - D Allah S.W.T., malaikat dan alam akhirat
- S16** Manakah pernyataan paling tepat mengenai kepentingan akhlak dalam menjamin kesinambungan sesebuah tamadun?
- A Akhlak penting kerana agama menganggapnya penting
 - B Nilai akhlak boleh berubah-ubah mengikut kesesuaian akal manusia
 - C Akhlak yang buruk tidak memberikan sebarang implikasi kepada tamadun
 - D Kemantapan akhlak menyebabkan tamadun manusia seimbang dari aspek fizikal dan spiritual
- S17** Pilih perbezaan ketara antara Tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain.
- A Tamadun Islam berpusat di kota, manakala tamadun lain berpusat di desa
 - B Asas tamadun Islam merupakan manusia, manakala tamadun lain adalah manusia yang beriman
 - C Tamadun Islam mementingkan pencapaian teknologi sebagai matlamat, manakala tamadun lain mementingkan teknologi sebagai alat
 - D Tamadun Islam terbina melalui pencapaian manusia yang dihasilkan oleh manifestasi keimanan kepada Allah, manakala tamadun lain tidak sedemikian
- S18** Nyatakan sumbangan terbesar Islam terhadap Tamadun Melayu.
- A Menekankan kepentingan pendidikan
 - B Memastikan kehidupan sosial yang harmoni
 - C Memberi jiwa dan rupa terhadap kemajuan yang sebenar
 - D Menyediakan panduan ke arah kejayaan dalam aspek material

S19 Pilih pernyataan yang menjelaskan ciri umum dan sejagat dalam Tamadun Islam.

- I Seruan keadilan untuk semua insan
- II Mencakupi seluruh aspek kehidupan
- III Mempunyai kesesuaian pada semua tempat dan masa
- IV Menekankan peringkat yang paling tinggi yang boleh dicapai oleh manusia

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S20 Manakah antara berikut merupakan asas kepada akidah Islam?

- A Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Qadha' dan Qadar
- B Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Akhirat, Qadha' dan Qadar
- C Allah, Malaikat, Al-Quran dan Injil, Rasul, Hari Akhirat, Qadha' dan Qadar
- D Allah, Malaikat, Kitab, Nabi Muhammad S.A.W., Hari Akhirat, Qadha' dan Qadar

S21 Apakah komponen yang menjadi asas utama Tamadun Islam?

- A Akidah, syariah dan ibadah
- B Akidah, syariah dan akhlak
- C Akidah, akhlak dan siyasah
- D Akidah, akhlak dan hadarah

S22 Pilih pernyataan yang menjelaskan sifat-sifat Tamadun Islam.

- I Sederhana dan seimbang
- II Sempurna dan menyeluruh
- III Sesuai sepanjang zaman dan masa
- IV Sesuai dengan fitrah dan akal manusia

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

- S23** Apakah peristiwa dalam Islam yang menjadi asas kepada pembentukan negara dan sistem pemerintahan Islam?
- A Hijrah dari Mekah al-Mukarramah ke Yaman
 - B Hijrah dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah
 - C Hijrah dari Madinah al-Munawwarah ke Mekah al-Mukarramah dan peperangan Badar
 - D Hijrah dari Madinah al-Munawwarah ke Mekah al-Mukarramah dan pembukaan kota Mekah
- S24** Pilih faktor yang mendorong kepada kecemerlangan Tamadun Islam.
- I Galakan pemerintah
 - II Gesaan al-Quran dan al-Sunnah
 - III Pembukaan Pulau Sicily dan Andalus
 - IV Kerjasama para ulama dan cendekiawan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S25** Manakah antara berikut merupakan aspek ilmu dan intelektual yang menonjol dalam Tamadun Islam?
- I Perubatan
 - II Teknologi letupan
 - III Matematik dan astronomi
 - IV Ekonomi dan perdagangan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S26** Nyatakan pernyataan yang benar mengenai matlamat Tamadun Islam.
- A Mengutamakan pencapaian di dunia
 - B Kebahagiaan hidup dunia dan akhirat
 - C Melakukan ibadah secara bersungguh-sungguh
 - D Toleransi terhadap semua perkara antara dunia dan akhirat

- S27** Apakah dasar-dasar Tamadun Islam mengikut susunan keutamaan?
- A Memelihara akal, nyawa, agama, kehormatan dan harta
 - B Memelihara agama, akal, nyawa, harta dan kehormatan
 - C Memelihara akal, agama, nyawa, kehormatan dan harta
 - D Memelihara agama, nyawa, akal, kehormatan dan harta
- S28** Antara berikut, manakah bahagian terpenting yang terkandung dalam Piagam Madinah?
- I Berkaitan golongan munafik dan kafir
 - II Berkaitan golongan Muhajirin dan Ansar
 - III Berkaitan hubungan umat Islam dengan orang Yahudi
 - IV Berkaitan hubungan antarabangsa antara negara Islam dan bukan Islam
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja
- S29** Siapakah tokoh Tamadun Islam yang merupakan seorang pakar perubatan dan ahli pemikir yang telah menghasilkan sebuah kitab perubatan yang terkenal bertajuk *al-Qanun fi al-Tibb*?
- A Al-Biruni
 - B Ibnu Sina
 - C Al-Ghazali
 - D Ibnu Khaldun
- S30** Siapakah tokoh Tamadun Islam yang terkenal sebagai ilmuan yang banyak menyumbang kepada bidang sejarah, sosiologi dan politik Islam?
- A Al-Biruni
 - B Ibnu Sina
 - C Al-Ghazali
 - D Ibnu Khaldun
- S31** Manakah antara berikut merupakan perkara yang merujuk kepada peristilahan Melayu?
- A Ras, kebudayaan dan bahasa
 - B Kebudayaan, iklim dan bahasa
 - C Pakaian, kebudayaan dan bahasa
 - D Pemikiran, kebudayaan dan iklim

- S32** Manakah antara nama-nama berikut yang tidak merujuk kepada wilayah yang didiami oleh orang-orang Melayu di Asia Tenggara?
- A Gugusan Kepulauan Melayu
 - B Alam Melayu, dan Tanah Jawi
 - C Penempatan Melayu Cape Town
 - D Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia
- S33** Antara berikut, manakah takrif orang Melayu menurut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan?
- I Beragama Islam
 - II Berbahasa Melayu
 - III Tinggal di pesisir pantai
 - IV Mengamalkan adat istiadat Melayu
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S34** Nyatakan dua perkara penting yang mewarnai pembentukan Tamadun Melayu.
- A Bahasa Melayu dan Agama Islam
 - B Kepelbagaian etnik dan agama Islam
 - C Bahasa Melayu dan kepelbagaian etnik
 - D Bahasa Melayu dan interaksi antara tamadun
- S35** Apakah Empayar Melayu Awal yang merupakan asas kepada pembentukan asal-usul Tamadun Melayu?
- A Empayar Funan dan Empayar Demak
 - B Empayar Funan dan Empayar Majapahit
 - C Empayar Funan dan Empayar Sri Vijaya
 - D Empayar Funan dan Empayar Sri Langka
- S36** Nyatakan perubahan bentuk kepercayaan dan corak kehidupan masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam.
- A Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada animisme
 - B Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada Allah S.W.T.
 - C Kepercayaan kepada Allah S.W.T. dan RasulNya bertukar kepada dewa dan animisme
 - D Kepercayaan kepada Allah S.W.T. dan RasulNya bertukar kepada kepercayaan banyak tuhan

- S37** Manakah antara pernyataan di bawah merupakan faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan Islam di Tanah Melayu?
- A Perdagangan, perkahwinan, pertanian, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
 - B Perdagangan, perkahwinan, peperangan, perlumbaan penyebaran agama serta keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
 - C Perdagangan, perkahwinan, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah serta aktiviti perikanan
 - D Perdagangan, perkahwinan, pengislaman pemerintah, perlumbaan penyebaran agama, keunggulan dan kebijaksanaan pendakwah
- S38** Siapakah ulama terkenal yang menjadi tulang belakang kepada penyebaran Islam di Kelantan?
- A Tok Kenali
 - B Tok Ku Paloh
 - C Tok Sheikh Duyung
 - D Sheikh Abdul Malek
- S39** Manakah kerajaan Melayu Islam yang terletak di Sumatera Utara dan dikatakan sebagai antara pusat kerajaan Islam yang paling awal dan menjadi asas penting dalam perkembangan Islam di Alam Melayu?
- A Perlak
 - B Campa
 - C Melaka
 - D Samudera Pasai
- S40** Manakah kerajaan Melayu Islam yang merupakan negeri pertama yang memainkan peranan dalam perkembangan bahasa Melayu menerusi tulisan Jawi bagi menggantikan tulisan Jawa kuno?
- A Aceh
 - B Campa
 - C Melaka
 - D Samudera Pasai
- S41** Apakah laluan kedatangan Islam ke Alam Melayu?
- A Tanah Arab, India, China dan al-Jazair
 - B Tanah Arab, India, China dan Champa
 - C Tanah Arab, India, Pakistan dan China
 - D Tanah Arab, Pakistan, China dan al-Jazair

- S42** Nyatakan tamadun yang wujud dalam Tamadun India ketika permulaan zaman Proto yang memperlihatkan pelbagai perubahan berlaku dalam masyarakat meliputi aspek pembinaan negara, agama, budaya, nilai hidup dan kemajuan kebendaan.
- A Tamadun Aryan
 - B Tamadun Maurya
 - C Tamadun Lembah Indus
 - D Tamadun Lembah Ganges
- S43** Apakah sumbangan kerajaan Chera, Chola, Pandya dan Pallava pada Zaman Sangam?
- A Perubatan dan sains
 - B Kaligrafi dan seni khat
 - C Kesusasteraan dan perdagangan
 - D Seni bina agung dan pembinaan kota
- S44** Apakah bukti sumbangan sains Tamadun India terhadap bidang kimia dalam peleburan logam?
- A Taj Mahal
 - B Qutb Minar
 - C Kuil Vishnu
 - D Iron Pillar of Delhi
- S45** Siapakah pembina Institusi Pendidikan Islam terkemuka sewaktu zaman pemerintahan Islam di India?
- A Aurangzeb
 - B Shah Jahan
 - C Amir Khusrau
 - D Alauddin Khilji
- S46** Siapakah pencipta epik *Ramayana* yang terkenal dalam kesusasteraan India?
- A Vyasa
 - B Vaisya
 - C Vishnu
 - D Valmiki

- S47** Manakah yang berikut merupakan nama kitab *Veda*?
- A *Rig*
 - B *Yatur*
 - C *Sudra*
 - D *Dharma*
- S48** Siapakah tokoh yang berperanan dalam perkembangan Agama Buddha pada zaman Empayar Maurya (326 SM-185 SM)?
- A Chola
 - B Asoka
 - C Gupta
 - D Chera
- S49** Apakah susun lapis masyarakat India mengikut urutan menaik?
- A *Brahmacarya, Grahasta, Vanaprasta, Sannayasa*
 - B *Grahasta, Brahmacarya, Sannayasa, Vanaprasta*
 - C *Sannayasa, Grahasta, Vanaprasta, Brahmacarya*
 - D *Sannayasa, Vanaprasta, Grahasta, Brahmacarya*
- S50** Manakah antara berikut adalah sumbangan Tamadun Islam dalam bidang sains dan teknologi di India?
- I Senibina
 - II Ekonomi
 - III Astronomi
 - IV Kesusasteraan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II, dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S51** Siapakah pengasas empayar Mughal (1526-1857M) di India?
- A Akbar
 - B Jahangir
 - C Shah Jehan
 - D Muhammad Zaheeruddin Babur

- S52** Bilakah kuasa Islam mula bertapak dalam Tamadun India?
- A Zaman Awal
 - B Zaman Vedik
 - C Zaman Pertengahan
 - D Zaman Penjajahan Barat
- S53** Siapakah golongan yang wujud dalam sistem kasta yang diamalkan dalam Tamadun India?
- I *Sudra*
 - II *Vaisya*
 - III *Ksatriya*
 - IV *Brahmin*
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S54** Mengapakah bidang kesusasteraan seni khat sangat dimuliakan dan dihormati dalam zaman pemerintahan Islam di India?
- A Kemahiran tersebut dianggap bertuah dan dirahmati Allah S.W.T.
 - B Kemahiran tersebut mampu memberikan pendapatan yang lumayan
 - C Kemahiran tersebut mampu membuatkan seseorang itu menjadi terkenal
 - D Kemahiran tersebut melayakkan pemiliknya untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari pihak istana
- S55** Apakah istilah yang digunakan merujuk kepada peringkat kehidupan dalam Tamadun India?
- A *Dharma*
 - B *Varuna thapa*
 - C *Dharma nanda*
 - D *Ashrama dharma*
- S56** Siapakah dua tokoh terawal yang mengemukakan teori fizik berkaitan tenaga Atom dalam Tamadun India?
- A Kanada dan Simhala
 - B Kanada dan Nagarjuna
 - C Kanada dan Katyayana
 - D Simhala dan Nagarjuna

- S57** Di manakah pusat pertumbuhan awal bagi Tamadun Cina?
- A Tibet
 - B Beijing
 - C Chang Jiang
 - D Sungai Kuning
- S58** Apakah yang dimaksudkan dengan Budaya Yangshoa dalam era Neolitik (3950-1700SM) di China?
- A Budaya tebang dan bakar
 - B Budaya tanaman ubi dan sagu
 - C Budaya perikanan sungai dan laut
 - D Budaya tanam dan tenunan kain kapas
- S59** Nyatakan dinasti yang muncul dalam perkembangan tahap permulaan Tamadun Cina.
- A Xia, Tian, Yun dan Zhou
 - B Yun, Zhou, Tian dan Han
 - C Xia, Han, Shang dan Yun
 - D Yun, Shang, Xia dan Zhou
- S60** Antara berikut, manakah sumbangan terbesar Tamadun Cina terhadap perkembangan teknologi dunia?
- I Kompas
 - II Percetakan
 - III Bahan letupan
 - IV Pembuatan kertas
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S61** Nyatakan asas pemikiran yang terpenting bagi agama Buddha dalam Tamadun Cina.
- A Teori Si Ti, Tian, Wu Tsung dan balasan
 - B Teori Si Ti, sebab-akibat, balasan dan kaedah
 - C Teori Wu Tsung, balasan, Tian dan sebab-akibat
 - D Teori Wu Tsung, sebab-akibat, kaedah dan balasan

- S62** Manakah pernyataan yang tidak menjelaskan pengertian kepada konsep *Dao* yang menjadi asas kepada pandangan semesta Tamadun Cina?
- A Konsep *Dao* bermaksud jalan (*the way*)
 - B *Dao* adalah prinsip agung yang mutlak serta asal usul semua makhluk
 - C *Dao* adalah sifat mulia yang tidak melampaui batas sama ada yang terlebih atau terkurang
 - D *Dao* bersifat azali (primordial), dengan semua makhluk berasal dan akan kembali pada akhir hayat mereka
- S63** Pilih sistem nilai yang wujud dalam Tamadun Cina.
- I Moisme
 - II Daoisme
 - III Legalisme
 - IV Konfusianisme
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S64** Apakah manifestasi kutub langit dan bumi dalam pandangan semesta Tamadun Cina?
- A Teori Shi dan Shu
 - B Teori Yin dan Yang
 - C Teori Feigong dan Feiming
 - D Teori Zhongyong dan Junzi
- S65** Bilakah zaman kemuncak kegemilangan Islam dalam Tamadun Cina?
- A Dinasti Qin
 - B Dinasti Han
 - C Dinasti Yuan
 - D Dinasti Ming
- S66** Siapakah tokoh dalam Dinasti Chin yang membina sistem pengairan yang paling rumit di barat Schezuan?
- A Li Ping
 - B Li Chen
 - C Chin Ping
 - D Chin Chen

- S67** Siapakah pelukis-pelukis terkenal pada Zaman Ming yang telah membawa kepada kemajuan bidang seni lukis?
- A Chin Ying, Tang Yin, Shan Chou dan Li Peng
 - B Chin Ying, Wen Chang Ming, Chin Chen dan Tan Yin
 - C Shan Chou, Tang Yin, Chin Ying dan Wen Chang Ming
 - D Shan Chou, Li Peng, Chin Ying, Wen Chang Ming dan Tang Yin
- S68** Nyatakan sumbangan besar Islam terhadap Tamadun Cina.
- A Kelahiran ulama
 - B Percetakan buku-buku agama
 - C Ciptaan bahan letupan peperangan
 - D Ciptaan kompas pelayaran lautan jauh
- S69** Apakah hasil ciptaan Jamaluddin iaitu seorang Cina Muslim berbangsa Hui dalam bidang astronomi?
- A Kura-i-sama dan Dhatu al-halali
 - B Dhatu al-halaqi dan Kura-i-sama
 - C Rukhama-i-Mustaiya dan Dhatu al-halali
 - D Dhatu al-tahlili dan Rukhama-i-Mustaiya
- S70** Pilih kesan penjajahan barat ke atas masyarakat Islam dan Asia.
- I Nilai budaya
 - II Institusi politik
 - III Pegangan agama
 - IV Struktur ekonomi
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan III sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S71** Apakah cabaran kontemporari yang dihadapi oleh Tamadun Islam dan Asia?
- A Penguasaan Barat ke atas hasil bumi negara
 - B Dominasi Barat terhadap politik, ekonomi, media dan budaya negara
 - C Kekurangan golongan elit yang kreatif untuk mencetuskan idea baharu
 - D Perkembangan politik, ekonomi dan budaya negara tidak selari dengan kepesatan pembangunan dunia

- S72 Manakah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu yang memperoleh kuasa veto selepas Perang Dunia Kedua?
- I Rusia
 - II Britain
 - III Jerman
 - IV Perancis
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S73 Manakah negara Asia yang diberikan kuasa veto dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu?
- A China
 - B Jepun
 - C Indonesia
 - D Korea Selatan
- S74 Apakah kesan pertembungan Tamadun Barat dengan Tamadun Islam dan Asia?
- A Ciri-ciri jati diri Tamadun Islam dan Asia hampir hilang
 - B Tamadun Barat tidak mendapat tempat dalam pembangunan Tamadun Islam dan Asia
 - C Islam kelihatan seolah-olah menjadi 'sebuah dunia yang besar' yang bersifat hegemonik
 - D Globalisasi kebudayaan kebendaan sama sekali tidak memberi kesan kepada Tamadun Islam dan Asia
- S75 Mengapakah institusi kekeluargaan Barat dilihat sedang mengalami keruntuhan?
- A Larangan berlaku perceraian dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
 - B Pembatasan kelahiran anak dalam satu keluarga dan melarang berlaku perceraian
 - C Kebenaran perkahwinan sejenis dan membuka ruang untuk aktiviti pergaulan dan seks bebas
 - D Galakan aktiviti pergaulan dan seks bebas serta menghadkan kelahiran anak dalam satu keluarga

- S76** Manakah negara yang sering diancam oleh Amerika Syarikat kerana membangunkan program nuklear?
- A Cuba dan China
 - B Jerman dan Turki
 - C Iran dan Korea Utara
 - D Venezuela dan Bolivia
- S77** Antara berikut, manakah yang dimaksudkan dengan istilah globalisasi?
- I Dunia tanpa sempadan
 - II Perkampungan kecil manusia
 - III Proses yang melahirkan dunia tanpa sempadan
 - IV Penerapan ideologi barat terhadap dunia bukan barat
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D III dan IV sahaja
- S78** Apakah medium yang digunakan untuk mempergiatkan usaha globalisasi dalam kalangan kuasa besar barat?
- A Media
 - B Hiburan
 - C Perdagangan
 - D Perhubungan
- S79** Pilih institusi global sokongan yang sering mendominasi pola ekonomi dunia.
- I IMF
 - II WTO
 - III NATO
 - IV Bank Dunia
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S80 Manakah perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam konteks dialog antara peradaban yang melibatkan Tamadun Islam dengan Tamadun Barat?

- I Nilai-nilai sepunya
 - II Menghormati realiti dunia berbilang tamadun
 - III Saling kebergantungan dalam pembangunan tamadun
 - IV Memahami isu-isu yang memisahkan antara Tamadun Barat dan Tamadun Islam
-
- A I, II, dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- SOALAN TAMAT -